



Mimpi buruk jadi bankrap!

Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 2018 menunjukkan tiga daripada 10 rakyat Malaysia yang bekerja terpaksa meminjam untuk membeli barang keperluan asas. Kehendak gaya hidup yang berlebihan dilaporkan menjadikan kad kredit dan pinjaman peribadi kekal menjadi penyumbang utama rakyat kita mengumpul hutang terlalu tinggi serta berlebihan. Justeru, jika keadaan ini tidak ditangani dengan baik dikhuatiri lebih ramai rakyat kita akan terperangkap dalam masalah keterhutangan yang serius.

Secara umumnya kad kredit dan pinjaman peribadi masih menjadi saluran popular hampir kebanyakan rakyat negara ini mengumpul jumlah hutang yang banyak. Berdasarkan portfolio AKPK, lebih 50 peratus membabitkan hutang kad kredit, sementara pinjaman peribadi pula membabitkan kira-kira 30 peratus. Hakikatnya kedua-dua produk kewangan ini iaitu kad kredit dan pinjaman peribadi mempunyai matlamat, tujuan dan kebaikannya tersendiri. Misalnya, ia digunakan apabila kita betul-betul terdesak dan memerlukan penggunaan wang tunai yang segera. Jadi kita tidak boleh menyalahkan produk kewangan tersebut jika ia mengheret kita ke tahap keterhutangan yang serius kerana kita yang gagal mengawal dan menguruskannya dengan bijak. Baik kad kredit mahupun pinjaman peribadi tidak boleh dijadikan sebagai sumber kewangan utama dalam perbelanjaan harian kita dan setiap hutang tersebut pula perlu dibayar dengan segera.

Walaupun sudah banyak kali isu muflis terutama dalam kalangan golongan muda akibat penggunaan kad kredit dan pinjaman peribadi didedahkan namun masih ramai yang tidak ambil iktibar dan pengajaran. Misalnya, sebanyak 95,105 kes muflis direkodkan sejak 2014 hingga tahun lalu.

Menariknya mereka yang berusia 35 hingga 44 tahun didapati paling banyak bankrap. Jelas sekali tahap kesedaran dan ilmu pengurusan kewangan sebilangan besar rakyat kita terutama golongan belia masih cetek dan membimbangkan.

Kegagalan mengawal hawa nafsu, sikap terlalu boros serta kemahuan untuk hidup mewah dan bergaya menyebabkan sebilangan besar anak muda tidak dapat mengawal penggunaan kad kredit. Lebih malang lagi apabila ada yang sanggup meminjam daripada along untuk menampung kehidupan mewah atau melangsaikan hutang kad kredit. Mereka lupa dan tidak sedar betapa pinjaman dari along boleh memberi kesan yang cukup besar

Fahami taktik licik along yang begitu baik dan mesra ketika memberi pinjaman dan menjadi samseng ganas serta sanggup melakukan apa saja demi mendapatkan bayaran ansuran

dalam kehidupan seharian mereka. Sudah terlalu banyak kes didedahkan membabitkan peminjam terpaksa hidup sebagai pelarian dan dalam ketakutan kerana dikejar dan diugut along kerana tidak mampu membayar ansuran yang diperlukan.

Jadi kita harap anggota masyarakat ambil serius isu ini dan tidak lagi terperangkap dalam keterhutangan serius. Antara langkah pencegahan yang boleh diambil ialah pelajari ilmu pengurusan kewangan yang sewajarnya baik untuk diri sendiri mahupun keluarga. Individu bujang mahupun yang sudah berkeluarga wajar mengetahui kaedah terbaik untuk mengurus kewangan. Secara prinsipnya kita sudah tahu jumlah gaji tetap yang diterima setiap bulan serta komitmen atau hutang wajib

seperti pinjaman perumahan, pendidikan dan kenderaan yang perlu dilangsaikan. Justeru, setiap perancangan perbelanjaan mestilah bersandarkan kepada kedudukan baki pendapatan itu.

Belajarlah untuk mengukur baju di badan sendiri, tidak perlu amalkan budaya biar papa asal bergaya sehingga terpaksa meminjam untuk membeli barang keperluan asas. Hakikatnya tiada keperluan untuk menggunakan kad kredit atau membuat pinjaman peribadi jika kita mampu merancang dan berbelanja secara berhemat baki pendapatan yang ada. Penulis percaya jika setiap anggota masyarakat mempunyai pengetahuan dan ilmu pengurusan kewangan yang baik, kita mampu berdikari dan meneruskan kehidupan tanpa kad kredit dan pinjaman peribadi.

Dalam pada itu, sebagai pengguna kita juga perlu bertindak bijak dalam setiap perbelanjaan. Dalam keadaan harga barangan yang semakin mahal, jangan lupa kita sebenarnya mempunyai banyak pilihan. Pada hari ini bilangan peniaga semakin bertambah, jadi kita perlu bijak menggunakan hak sebagai pengguna memilih barangan atau produk yang dijual pada kadar harga berpatutan. Untuk itu tidak salah kita naik turun beberapa

Belajarlah mendidik dan mendisiplinkan diri supaya budaya menabung walaupun dalam jumlah yang kecil boleh dijadikan sebagai amalan rutin yang sangat bermanfaat apabila diperlukan

premis perniagaan supaya dapat membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian. Ringkasnya, gunakanlah hak kita sebagai pengguna.

Dalam konteks pinjaman peribadi terutama along, kita juga perlu memahami selok-belok dan taktik licik ceti haram yang begitu baik dan mesra ketika memberi pinjaman dan kemudian menjadi samseng ganas dan mengejar kita serta sanggup melakukan apa saja demi mendapatkan bayaran ansuran mereka. Sedarlah along sentiasa mencari mangsa yang terdesak dan akhirnya akan memerangkap kita dengan jumlah hutang berlipat kali ganda dari jumlah pinjaman asal. Jadi cukuplah pelbagai kisah tragis mangsa along yang dipaparkan selama ini, kita tidak mahu anggota masyarakat terus tertipu

dan diperdaya along.

Pada masa sama belajarlah mendidik dan mendisiplinkan diri supaya budaya menabung boleh dijadikan sebagai amalan rutin yang sangat bermanfaat bila diperlukan. Walaupun dalam jumlah yang kecil, kita perlu menabung secara konsisten pada setiap bulan. Asingkan sejumlah wang mengikut kemampuan misalnya 10 peratus daripada gaji untuk disimpan dan boleh digunakan pada masa hadapan terutama ketika urusan kecemasan. Ini turut boleh mengelak kita daripada membuat pinjaman ketika kesusahan.

Penggunaan kad kredit dan pinjaman peribadi untuk tujuan gaya hidup berlebihan banyak berkait rapat dengan sikap dan tingkah laku individu. Jadi pilihan ada di tangan kita sendiri. Kita boleh saja meneruskan gaya hidup mewah dengan hutang keliling pinggang hingga terperangkap dengan keterhutangan yang serius dan jatuh muflis serta terus dikejar along atau bertindak lebih bijak dalam mengurus perbelanjaan harian sekali gus menikmati kehidupan tenang dan selamat.

Penulis Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia